



POLISI UMUM PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

1.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menerangkan secara umum polisi dan peraturan penggunaan sumber-sumber Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang terdapat di Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan diterimapakai sebagai Polisi Umum. Mana-mana polisi dan garis panduan terperinci untuk setiap sumber yang disenaraikan adalah mengatasi Polisi Umum ini.

1.2 Penyataan Polisi

- i. Kemudahan pengkomputeran dan rangkaian komunikasi UNISEL disediakan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran UNISEL.
- ii. Capaian kemudahan sistem komputer dan rangkaian komunikasi disediakan sebagai keistimewaan kepada pelajar dan staf. UNISEL berhak menghad, menyekat atau memperluaskan capaian kemudahan UNISEL.
- iii. Setiap staf/pelajar/pengguna luar yang menggunakan kemudahan komputer dan rangkaian komunikasi mestilah menggunakannya sebaik mungkin, bertanggungjawab dan mengamalkan syarat-syarat penggunaan dan kod etika penggunaan kemudahan.
- iv. Kemudahan komputer dan rangkaian komunikasi UNISEL hendaklah tidak digunakan untuk tujuan perdagangan atau yang tidak berkaitan dengan aktiviti UNISEL tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkuasa UNISEL. Mana-mana ahli UNISEL yang menggunakan kemudahan komputer dan rangkaian komunikasi untuk kerja-kerja lain selain daripada kerja-kerja dalaman akan dianggap sebagai penggunaan luar.

1.3 Skop Polisi

1.3.1 Sumber

Sumber-sumber yang tersenarai dalam dokumen, juga sumber-sumber yang tidak tersenarai tetapi dianggap sebagai sumber ICT oleh Jawatankuasa Pelaksana Pelan ICT Strategik UNISEL (JPPICT) adalah juga tertakluk kepada polisi ini.

1.3.2 Pengguna

Semua pengguna adalah tertakluk kepada polisi ini. Sesiapa yang tidak diberi kebenaran adalah dianggap sebagai penceroboh, dan boleh diambil tindakan yang sesuai mengikut kesalahan yang dilakukan, sebagaimana yang disebut dalam Polisi Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UNISEL.

1.4 Objektif Polisi

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh pelajar dan staf UNISEL merupakan suatu peranan penting dalam mencapai misi dan visi UNISEL. Polisi ini bersama dengan syarat-syarat penggunaan dan kod etika bertujuan memastikan:

- i. Warga UNISEL dimaklumkan mengenai kewujudan polisi-polisi dan peraturan tentang penggunaan kemudahan-kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi UNISEL;
- ii. Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi digunakan mengikut polisi dan peraturan yang ditetapkan;
- iii. Tanggungjawab pelanggan, kemudahan dan perkhidmatan dimaklumkan; dan
- iv. Kerosakan dan kemusnahan teknologi maklumat dan komunikasi dapat diminimumkan.

1.5 Definisi

Definisi-definisi berikut digunakan dalam Polisi, Garis Panduan dan Kod Etika yang berkaitan dengan penggunaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi UNISEL.

- i. “UNISEL” atau “Universiti” bermaksud Universiti Industri Selangor;
- ii. “Pelajar” bermaksud pelajar yang berdaftar dengan UNISEL;
- iii. “Staf” bermaksud staf yang sedang berkhidmat dengan UNISEL;
- iv. “FPJ” bermaksud semua fakulti, pusat, jabatan dan unit di UNISEL;
- v. “Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi” termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sistem komputer peribadi, terminal, sistem komputer, alat-alat pinggiran komputer, peralatan komunikasi, rangkaian komunikasi, perisian komputer, peralatan VoIP, dokumentasi bantuan, pembekalan, peralatan storan, kemudahan sokongan dan sumber tenaga. Kemudahan terhad kepada kemudahan yang dibeli, disewa, dipajak, dimiliki atau dipinjamkan kepada UNISEL. Ia termasuk semua kemudahan yang disediakan oleh UNISEL secara terpusat dan yang disediakan melalui FPJ;
- vi. “Pengguna” bermaksud seseorang atau kumpulan orang yang dibenarkan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi UNISEL;
- vii. “Tugas-tugas dalaman” bermaksud tugas-tugas dalam menyokong fungsi-fungsi UNISEL dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran; dan
- viii. “Tugas luar” bermaksud tugas-tugas selain dari tugas dalaman.

1.6 Peraturan Am

- i. Semua kemudahan seperti perkakasan dan perisian ICT yang disediakan oleh UNISEL adalah hak mutlak UNISEL. Pengguna berdaftar diberikan keistimewaan untuk menggunakan kemudahan tersebut dan UNISEL berhak menarik balik kemudahan yang diberikan pada bila-bila masa tanpa notis.
- ii. Kemudahan ICT yang disediakan oleh UNISEL hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan fungsi UNISEL. Penggunaan selain daripada yang berkaitan dengan fungsi UNISEL adalah tidak dibenarkan, seperti untuk tujuan peribadi, komersial dan politik. Penggunaan untuk tujuan peribadi yang berpatutan dibenarkan sekiranya ia tidak melibatkan peningkatan kos dan penggunaan sumber UNISEL yang ketara, sehingga menghalang peluang pengguna lain untuk menjalankan fungsi utama UNISEL.
- iii. Pengguna yang menggunakan peralatan ICT peribadi di dalam kampus juga tertakluk kepada polisi dan peraturan ini. Sebarang penggunaan adalah tertakluk kepada undang-undang/peraturan UNISEL, negeri dan negara. UNISEL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyalahgunaan yang dilakukan oleh pengguna.
- iv. Setiap pengguna mesti mematuhi Polisi dan peraturan yang ditetapkan selaras dengan hasrat UNISEL mewujudkan pengguna yang beretika dan menghormati pengguna yang lain.
- v. Pusat ICT bertanggungjawab memastikan pelaksanaan Polisi Penggunaan Kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan syarat-syarat yang berkaitan dengan pengguna dan kod etika diamalkan selaras dengan kemudahan-kemudahan di bawah kawalan dan pengurusan Pusat ICT.
- vi. Ketua-ketua FPJ bertanggungjawab memastikan Polisi Penggunaan Kemudahan Teknologi Maklumat dan Rangkaian diamalkan selaras dengan kemudahan-kemudahan di bawah kawalan dan pengurusannya.
- vii. Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi hendaklah tidak digunakan untuk urusan-urusan peribadi atau perniagaan peribadi kecuali dibenarkan oleh Polisi-Polisi lain di UNISEL. Pengiklanan dan penajaan juga tidak dibenarkan kecuali ia berkaitan atau menyokong aktiviti UNISEL.
- viii. Perkhidmatan teknologi maklumat dan rangkaian komunikasi dipusatkan di Pusat ICT. Semua pegawai teknikal di Pusat ICT memberi perkhidmatan untuk seluruh UNISEL yang merangkumi tugas-tugas berikut :
 - Membangunkan dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi UNISEL;
 - Mengurus dan mengendalikan pangkalan data;
 - Menyediakan maklumat berpolisikan keperluan pengguna;
 - Menyelia dan menyelenggara rangkaian komunikasi UNISELNet;
 - Mengoperasi dan menyelenggara komputer server;
 - Mengurus, mengendali, menyelenggara alatan VoIP;
 - Menguruskan perolehan komputer dan peralatan bantuan komputer;
 - Menyediakan khidmat baik pulih dan penyelenggaraan peralatan komputer;
 - Melupuskan peralatan komputer;
 - Mengadakan latihan ICT;
 - Membangunkan dan menyelenggara laman web UNISEL;
 - Memantau pembangunan laman web FPJ;
 - Melaksanakan projek-projek khas ICT; dan
 - Menyediakan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan rangkaian komunikasi.
- ix. Semua perolehan sistem komputer dan rangkaian komunikasi diuruskan dan

dilaksanakan oleh Pusat ICT mengikut prosedur perolehan UNISEL. Perolehan merangkumi perolehan secara pembelian, sewaan, pajakan dan perlesenan adalah seperti berikut:

- Perkakasan komputer;
 - Perisian komputer;
 - Rangkaian komunikasi; dan
 - Peralatan-peralatan lain yang berkaitan dengan komputer.
- x. Komputer server yang menempatkan sistem aplikasi utama, web, email, pangkalan data dan sistem rangkaian ditempatkan di Pusat ICT.
 - xi. Mewujudkan kemudahan rangkaian yang membolehkan capaian maklumat dari mana-mana lokasi di dalam kampus.
 - xii. Menyediakan kemudahan komputer peribadi/notebook untuk setiap pensyarah dan pegawai pentadbiran kumpulan Pengurusan dan Profesional. Sasaran nisbah komputer peribadi/notebook kepada pensyarah dan pegawai pengurusan dan pentadbiran ialah 1:1. Manakala kemudahan komputer peribadi atau stesen kerja kepada pegawai-pegawai kumpulan sokongan adalah mengikut keperluan bagi membolehkan operasi pentadbiran berjalan lancar.
 - xiii. Semua peralatan sistem komputer peribadi yang telah tamat tempoh jaminannya diselenggarakan dan dibaik pulih oleh Pusat ICT. Sistem komputer server diselenggarakan oleh pembekal atau syarikat komputer samada melalui kontrak penyelenggaraan atau panggilan.
 - xiv. Mewujudkan sistem-sistem aplikasi pentadbiran UNISEL yang bersepadu serta membangunkan dan menyelenggarakan sistem-sistem aplikasi samada secara dalaman atau perolehan dari pembekal perisian.
 - xv. Menyediakan kemudahan email dan Internet kepada semua pelajar dan staf UNISEL. Pemberian kemudahan ini mengikut garis panduan Polisi Penggunaan Internet UNISEL.
 - xvi. Menggunakan kad pintar kerajaan pelbagai guna (GMPC) sebagai kad pelajar dan staf.
 - xvii. Staf mempunyai kemudahan meminjam peralatan komputer untuk kegunaan jangka pendek bagi melaksanakan tugas-tugas dalaman.
 - xviii. Perlaksanaan sistem pengkomputeran di UNISEL adalah berpolisikan piawai sistem terbuka, terpusat dan teragih menggunakan perkakasan, perisian dan sistem rangkaian yang terkini.
 - xix. Semua peralatan komputer yang telah usang dari segi usia dan teknologinya akan dilupuskan mengikut Prosedur Pelupusan UNISEL. Komputer peribadi dianggap usang apabila mencapai hayat lima (5) tahun selepas perolehan.
 - xx. Polisi Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UNISEL ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. UNISEL berhak meminda, membatalkan, menghad dan menambah mana-mana polisi dan garis panduan mengikut kesesuaian dan keadaan semasa.

1.7 Pihak Bertanggungjawab

1.7.1 Jawatankuasa Pelaksana Pelan Strategik ICT (JPPICT)

Fungsi JPPICT :

- Meneliti laporan daripada Jawatankuasa Penguatkuasaan IT
- Membuat kajian dan keputusan tentang penarikan balik keistimewaan
- Memajukan dakwaan dan perakuan kepada Jawatankuasa Tatatertib Staf atau kepada Jawatan Kuasa Tatatertib Pelajar untuk tindakan selain daripada menarik balik keistimewaan atau kemudahan.

1.7.2 Jawatankuasa Penguatkuasaan ICT (JKP)

Keahlian:

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (HEA)
- Timb. Pengerusi I : Timbalan Naib Canselor (HEP)
- Timb. Pengerusi II : Pendaftar
- Setiausaha : Pengurus Pusat ICT
- Dua (2) orang Pegawai Penyiasat Teknikal yang dilantik oleh Pengerusi berdasarkan aduan
- Unit Keselamatan atau Pegawai Undang-undang UNISEL

Fungsi JKP

- Menyediakan Mekanisme Meja Aduan;
- Menjalankan siasatan penyalahgunaan kemudahan ICT;
- Menyediakan laporan dan perakuan kepada JPPICT; dan
- Menyediakan laporan kepada pihak berwajib dengan perakuan Naib Canselor (jika perlu).

1.7.3 Jawatankuasa Tatatertib Pelajar

- Tindakan disiplin kepada pelajar dengan nasihat JPPICT

1.7.4 Jawatankuasa Tatatertib Staf

- Tindakan disiplin kepada staf dengan nasihat JPPICT

1.8 Pelanggaran Polisi

Kemudahan-kemudahan ICT yang disediakan oleh UNISEL merupakan keistimewaan dan bukannya hak yang diberikan kepada pengguna. Sebarang pelanggaran Polisi dan peraturan oleh pengguna akan dikenakan tindakan. Tindakan yang boleh dikenakan adalah berpolisikan kepada jenis pelanggaran dan keadaan semasa ia dilakukan.

Aduan tentang pelanggaran polisi dan peraturan boleh dibuat kepada Jawatankuasa Penguatkuasaan IT. Pengerusi Jawatankuasa ini akan melantik sekurang-kurangnya dua orang Penyiasat Teknikal untuk meneliti laporan dan menjalankan siasatan. Jawatankuasa boleh menghubungi pihak berwajib seperti Polis setelah mendapat perakuan Naib Canselor, bagi menjalankan siasatan sekiranya perlu. Jawatankuasa ini boleh membuat keputusan sama ada siasatan terperinci perlu dilaksanakan.

Tindakan atau penalti yang boleh dikenakan oleh JPPICT adalah penggantungan keistimewaan penggunaan. Tindakan selain daripada penggantungan keistimewaan boleh diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib Staf untuk staf atau Jawatankuasa Tatatertib Pelajar untuk pelajar dengan merujuk kepada JPPICT mengikut prosedur yang ditetapkan.

1.9 Polisi Teknologi Maklumat Peringkat Kebangsaan

Polisi ini tidak terhad kepada kandungan dokumen ini, malah ia turut mencakupi serta menerimapakai polisi-polisi ICT peringkat kebangsaan seperti berikut :

- i. Polisi Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan berpolisikan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- ii. Garis Panduan Malaysian Civil Service Link (MCSL) dan Laman Web Kerajaan berpolisikan Pekeliling Am Bil.1 tahun 2000 yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- iii. Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Pintar Antara Agensi-agensi Kerajaan Dalam Bidang Teknologi Maklumat berpolisikan Pekeliling Am Bil.6 tahun 1999 yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- iv. Penubuhan Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) berpolisikan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- v. Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melalui Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2001 yang dikeluarkan oleh MAMPU; dan
- vi. Undang-undang Siber (Cyber Law) yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah program “MSC Bill of Guarantees” yang terdiri daripada akta-akta berikut:
 - Tandatangan Digital 1997
 - Hakcipta (Amendment) 1997
 - Jenayah Komputer 1997
 - Telemedicine 1997
 - Komunikasi dan Multimedia 1998
 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998